

08/01/1997

IT pendorong perkhidmatan, pengeluaran

TEKNOLOGI maklumat (IT) kini dikatakan sebagai aset dan sektor terpenting yang mampu memberi sumbangan ke arah keseimbangan dan pengukuhan ekonomi bagi abad akan datang. Malahan ia dikatakan pendorong kepada sektor perkhidmatan dan pengeluaran negara.

Pelaburan dalam IT dikatakan satu keperluan memandangkan Malaysia kini sedang membentuk satu asas kukuh dalam membentuk masyarakat berasaskan pengetahuan untuk mengembangkan ekonomi negara.

Dalam sektor ini, industri IT tempatan akan dipromosikan sebagai sektor pembangunan terbaharu memandangkan pertumbuhannya mampu menyumbang secara mendadak kepada perkembangan aktiviti industri itu selain mewujudkan kepakaran dan teknologi tinggi.

Untuk tempoh lima tahun akan datang, sebanyak RM2.3 juta diperuntukkan kepada kementerian dan agensi kerajaan untuk membuat pelaburan dalam program dan projek berkaitan dengan IT.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi peneraju dalam mengembangkan aplikasi IT di Malaysia, berkata negara tidak mempunyai pilihan, tetapi harus turut sama terbabit secara aktif ke dalam IT itu bagi mengelak negara ketinggalan dalam arus itu.

Walaupun sumbangan industri IT kepada perkembangan produk domestik Malaysia agak rendah ketika ini, ia dijangka berkembang dengan tahap menggalakkan dalam masa terdekat ini.

Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) menganggarkan bahawa perolehan IT tahun depan akan berkembang kira-kira 20 peratus kepada RM6 bilion berbanding matlamat perolehan tahun ini iaitu RM4.94 juta.

Pikom berkata, peningkatan matlamat itu sejajar perkembangan berterusan dalam perbelanjaan IT dan ini menggambarkan lebih ramai rakyat Malaysia sanggup berbelanja terhadap komputer berbanding 10 tahun lalu.

Sepanjang 1996, Kerajaan memainkan peranan proaktif dan pemangkin dalam membina dan membangunkan infrastruktur IT.

Penubuhan Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (NITC) yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir sebagai contohnya, menjadi penanda betapa seriusnya negara untuk mempromosi IT secara besar-besaran.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) akan bertanggungjawab dalam mencipta, membina dan mengurus sistem rangkaian telekomunikasi terancang dikenali dengan Koridor Raya Multimedia (MSC). Ia akan menjadi pusat sehenti dalam mengurus dan memasar MSC kepada syarikat IT tempatan dan multinasional.

MSC membabitkan pelaburan kira-kira RM5 bilion yang menghubungkan KLCC dengan pusat pentadbiran baru, Putrajaya dan KLIA. Apabila MSC siap sepenuhnya, ia akan mempunyai infrastruktur yang akan menyokong operasi pedalaman CAD/CAM, bilik meluas virtual dan penyiaran terus multimedia Internet.

Sun Microsystems (Sun), antara syarikat utama dalam industri, sudah menyatakan kesanggupannya untuk menyediakan teknologi serta kerjasama dengan syarikat tempatan dalam teknologi multimedia.

Malahan jutawan dan Ketua Eksekutif Microsoft Corp., Bill Gates, juga menyatakan persetujuannya untuk menjadi antara panel penasihat antarabangsa bagi MSC.

Bagi memastikan projek mega itu berjalan lancar, Dr Mahathir akan berada di San Francisco pertengahan Januari ini untuk bertemu dengan 10 ketua dalam industri IT Amerika Syarikat, yang juga menjadi panel penasihat

antarabangsa MSC.

(END)